

**TEKS UCAPAN  
YBRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR UT<sub>e</sub>M**

---

**MAJLIS TANDATANGAN PERJANJIAN KONTRAK ANTARA  
UT<sub>e</sub>M HOLDINGS SDN. BHD. DENGAN  
PERBADANAN MUZIUM MELAKA  
DAN  
LOI FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI DENGAN  
PERBADANAN MUZIUM MELAKA**

07 Julai 2023 / 9.30 pagi  
Perbadanan Muzium Melaka

Terima kasih Pengacara Majlis  
Bismilahirahmanirahim

**1. YB Datuk Haji Zaidi bin Attan,**

Timbalan EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya,  
Negeri Melaka

**2. YBhg. Datuk Akramuddin bin Ab. Aziz**

Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Muzium Melaka  
(PERZIM)

**3. Y. Berusaha Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim**

Naib Canselor, Universiti Tun Hussein Onn

**4. Prof. Dr. Roslin bin Md Illias**


Timbalan Naib Canselor UTM

Datuk-Datuk, Datin-datin, Pegawai-pegawai Kanan dari agensi kerajaan dan swasta, PERZIM, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera  
Salam Malaysia Madani  
Salam Melaka Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia  
Salam UTeMku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke  
Hadapan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1. Terlebih dahulu bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya ingin merakam ucapan terima kasih, kerana dijemput dan diberi ruang untuk bersama dan berucap pada majlis yang julung kalinya diadakan ini.



Terbang sekawan burung kenari  
Hinggap sebentar dipohon jati  
Terima kasih undangan diberi  
Moga usahasama menjadi realiti

2. Untuk makluman semua pada majlis pagi ini, UTeM melalui anak syarikat, UTeM Holdings Sdn. Bhd. akan menandatangani Kontrak Perjanjian bagi Perkhidmatan Pembangunan Melaka Smart Heritage System (MeSH) untuk Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dan juga Majlis menandatangani Letter of Intent (LoI) diantara Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi dengan PERZIM.

3. Sesungguhnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri terutama PERZIM, Bahagian Teknologi Maklumat dan beberapa agensi lain yang telah memberi kepercayaan kepada kami dalam membangunkan MeSH.

**Y.Bhg Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

4. Melaka Smart Heritage System atau dikenali sebagai MeSH yang akan dibangunkan ini adalah melibatkan pembangunan sistem pendaftaran maklumat berkomputer yang akan membantu pegawai dan kakitangan dalam mempercepatkan proses mendaftar, mencari, menganalisa, merancang, memantau dan membuat keputusan dengan lebih cekap dan cepat. Ianya akan dibangunkan menggunakan sistem sumber terbuka sepenuhnya dan berupaya untuk menjimatkan kos penyelenggaraan.

5. MeSH akan dibangunkan dalam tiga (3) fasa, iaitu Pembangunan Modul dan Penghasilan Paparan Visual melalui

Dashboard Interaktif pada Fasa pertama. Fasa kedua melibatkan Penaiktarafan kepada Analitik Dashboard berasaskan Data Raya (Big Data), dan Fasa ketiga lebih tertumpu kepada Penyediaan perkhidmatan Data-As-Service.

6. Untuk makluman semua, kos bagi MeSH fasa pertama berjumlah RM285,000. Ianya melibatkan perunding-perunding dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi yang diketuai oleh Dr. Othman bin Mohd sebagai Ketua Projek dan Pengurus Infrastruktur, Profesor Madya Dr. Nurul Akma binti Emran, Pengurus Pangkalan Data, Profesor Madya Dr. Mohd Hafiz bin Zakaria, Pengurus UX/UI dan Pengurus Aplikasi, Profesor Madya Dr. Sabrina binti Ahmad.

#### **Y.Bhg Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

7. Bagi memastikan usaha sama antara PERZIM dan UTeM dapat diteruskan, UTeM ingin mengucapkan terima kasih kepada PERZIM di atas kesudian untuk menandatangani Letter of

Intent (LoI) dengan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang melibatkan kerjasama dari segi Akademik, Penyelidikan, Perundingan dan peluang perniagaan atau sebarang aktiviti kerjasama lain yang mungkin dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Adalah diharapkan melalui LoI ini, kedua-dua pihak akan berkongsi kepakaran, pengetahuan, teknologi dan latihan teknikal kepada pelajar dan kakitangan masing-masing.

8. Seterusnya PERZIM dan UTeM dapat bekerjasama dalam mana-mana peluang perniagaan teknikal dan bukan teknikal yang akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak dalam mencapai VISI untuk menjadikan sektor permuziuman di Negeri Melaka sebagai sektor pendidikan dan pelancongan bertaraf dunia. Serta MISI untuk menyemarakkan sektor pendidikan dan pelancongan melalui pembangunan muzium-muzium dan tempat-tempat bersejarah secara profesional dan berkualiti.

## **Y.Bhg Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan,**

9. Akhir sekali saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada pihak kerajaan negeri terutama PERZIM, Bahagian Teknologi Maklumat dan beberapa agensi lain yang telah memberi kepercayaan kepada UTeM melalui UTeM Holdings Sdn. Bhd. dan perunding-perunding terutama dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam membangunkan MeSH.
10. Juga kesudian pihak PERZIM untuk menandatangani Lol bersama Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam mengembangkan lagi usaha sama melalui kerjasama diperingkat akademik, penyelidikan, penerbitan, perundingan atau lain-lain aktiviti yang dapat memberi keuntungan kepada ke dua-dua pihak terutama melibatkan sektor



permuziuman di Negeri Melaka sebagai sektor pendidikan dan pelancongan bertaraf dunia.

11. Terima kasih juga kepada rakan-rakan dari Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn yang bersama terlibat pada majlis pada pagi ini. Adalah diharapkan dengan adanya rangkaian kerjasama universiti, PERZIM dan agensi berkaitan dengan permuziuman, ianya akan dapat merealisasikan VISI dan MISI yang telah ditetapkan serta mencapai matlamat Kerajaan Negeri khususnya dan Malaysia amnya.

Akhir sekali saya sudahi dengan serangkap pantun.

Kalau pergi ke Tanjung Keramat  
Singgah sebentar di Sungai Besi  
Bersama kita memohon rahmat  
Semoga usaha sentiasa diberkati

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

